

29/08/1999

Penukaran taraf bukti kewibawaan ITM

KOTA BHARU: Penukaran Institut Teknologi Mara (ITM) kepada Universiti Teknologi Mara (UTMara) memberi imej serta memperlihatkan kewibawaannya sebagai pusat pengajian tinggi unggul serta mempunyai pengalaman luas dalam melahirkan jentera penting kerajaan.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Paduka Ibrahim Ali, berkata setelah suku abad ditubuhkan, ITM membuktikan peranannya apabila melahirkan ramai siswazah berwibawa dan berjasa kepada bangsa serta negara.

Katanya, dalam tempoh itu pelbagai pihak termasuk siswazah sendiri menempuh pengalaman getir dalam perjuangannya bagi menaikkan imej institut berkenaan kepada tahap lebih tinggi.

"Sekarang perjuangan mereka sudah berakhir apabila Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Menteri Pendidikan, Datuk Seri Najib Tun Razak mengisytiharkan penukaran itu.

"Saya bagi pihak keluarga siswazah dan pensyarah ITM mengucapkan terima kasih kepada pemimpin ini yang menunjukkan keprihatinan terhadap perjuangan warga ITM sebelum ini.

"Saya amat terharu kerana kita tahu perjuangan ini cukup getir bagi siswazah yang tidak boleh kita lupakan. Kita yakin kekuatan bangsa Melayu dari segi bidang pendidikan lebih terserlah dan akan dapat peluang lebih tinggi.

"ITM membuktikan melahirkan siswazah berwibawa kepada bangsa dan negara serta tidak sedikit pelajar ini menjadi jentera penting pembangunan negara dan memegang jawatan tinggi di jabatan dan swasta dan berada di puncak kejayaan," katanya selepas mesyuarat Badan Perhubungan Umno Kelantan di sini, petang kelmarin.

Di JOHOR BAHRU, Bekas pemimpin pelajar Institut Teknologi Mara (ITM) yang pernah berjuang bagi menaikkan taraf institut itu menjadi universiti, bangga kerana perjuangan beliau 25 tahun yang lampau akhirnya mencapai kejayaan.

Mahmud Mohamad, yang kini bertugas sebagai pakar perunding di Institut Pembangunan Perindustrian Johor (IPPJ) Sdn Bhd, berkata walaupun perjuangannya sudah lama berlalu, dia puas cadangan yang pernah dikemukakan kepada kerajaan itu akhirnya berhasil.

Beliau yang pernah menerajui kepemimpinan Kesatuan Siswa Siswi pada 1970-an, berkata kepemimpinan pelajar pada zamannya pernah mengemukakan kertas cadangan kepada kerajaan supaya ITM dinaik taraf sebagai universiti.

Menurutnya, cadangan itu dihantar pada 22 April 1974 dan salinannya turut dikemukakan kepada Tan Sri Arshad Ayub (pengarah ITM ketika itu).

"Kerajaan akhirnya mengiktiraf diploma ITM yang membolehkan graduan menerima tangga gaji menyamai unversiti lain," katanya kepada Berita Minggu di sini.

(END)